

02 APR 2001

BENGKEL-AFRIKA/ASIA/I

AABF PERTAMA SAKSIKAN URUSNIAGA BERNILAI AS\$20 JUTA DITANDATANGANI

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Forum Perniagaan Afrika-Asia pertama yang diadakan dalam tahun 1999, telah menyaksikan urusan bernilai sehingga AS\$20 juta (RM76 juta) dimeterai.

Koordinator residen Aktiviti-aktiviti Pengendalian Sistem Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pembangunan di Malaysia, Phillips J.Young berkata forum itu turut menyaksikan sejumlah 27 memorandum persefahaman ditandatangani.

"Satu penilaian telah diadakan enam bulan selepas forum itu berlangsung, sekaligus mengesahkan yang kira-kira AS\$20 juta telah dikumpul," kata beliau pada majlis pembukaan Forum II Perniagaan Afrika-Asia yang berlangsung selama tiga hari di sini hari ini.

Beliau berkata pertemuan pertama telah berjaya mengumpulkan 250 eksekutif perniagaan dari Afrika dan enam negara Asean menjalankan perniagaan secara langsung sesama sendiri, dan apa yang penting sekali ialah mewujudkan hubungan yang amat diperlukan bagi meneruskan perniagaan di masa-masa akan datang.

Daripada 27 negara Asia yang menandatangani perjanjian, sebelas ialah syarikat Malaysia, termasuklah Masscorp Trading, yang berpusat di Uganda dan Hoong Lee Heng Sdn Bhd, syarikat yang menyediakan peralatan lampu dan rakan niaganya dari Nigeria.

Beliau berkata ini membuktikan yang "kerjasama pintar" - kerjasama yang menyediakan kepentingan yang asli dan nyata kepada kedua-dua pihak, khususnya Afrika dan Asia yang telah dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah munasabah.

Young berkata AABF kedua yang akan diadakan di Durban, Afrika Selatan, mulai 8 hingga 14 Julai juga dijangka mencapai kejayaan yang sama.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Bantuan Luaran Unit Perancangan Ekonomi Malaysia, Patricia Chia Yoon Moi berkata Malaysia berpendapat kerjasama Selatan-Selatan sebagai mekanisma berkesan untuk mengguna sepenuhnya peluang membangunkan negara-negara bagi meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan ketahanan menerusi mobilisasi dan perkongsian kepakaran.

"Untuk bahagian Malaysia, kita telahpun bersedia menukar pengalaman pembangunan kita dengan negara-negara dari benua Afrika," kata beliau.

Chia berkata menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), Malaysia telah berkongsi pengalaman dan kepakarannya dengan 121 negara-negara membangun, di mana 38 ialah dari Afrika.

Beliau berkata kerajaan Malaysia menyifatkan bengkel seumpama itu sebagai satu forum yang boleh menjalinkan hubungan di kalangan masyarakat perniagaan Malaysia dan berharap menerusi bengkel ini, para peserta akan mendapat maklumat yang lebih baik mengenai peluang-peluang perniagaan di Afrika.

Bengkel ini dianjurkan oleh Unit Khas Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) untuk Kerjasama Teknikal di Kalangan Negara-negara Membangun (SU-TCDC), dengan kerjasama Malaysian South-South Corporation Bhd (MASSCORP) dan MIGA/Promote Africa, Kumpulan Bank Dunia.

Lebih daripada 40 eksekutif perniagaan menyertai bengkel itu.

Young berkata dalam bengkel itu, syarikat-syarikat tempatan akan menyediakan ahli-ahli forum dengan maklumat mengenai struktur, pengeluaran utama, kekuatan kewangan dan objektif AABF kedua. -- BERNAMA

NN FR AA